

BACAAN al-Quran perlu dijaga
agar tidak lari maksudnya. -
Gambar hiasan

Karya pertama ilmu tajwid

Abi Muzahim Musa al-Khaqani
menulis dalam bentuk syair

Oleh DR. KHAIRUL ANUAR
MOHAMAD

ILMU tajwid adalah ilmu yang terawal wujud berbanding dengan ilmu yang lain. Ini kerana ilmu tajwid mengiringi penurunan al-Quran dan peranannya ialah menjaga bacaan al-Quran. Dalam prinsip disiplin ilmu tajwid, dinyatakan bahawa kepentingannya ialah untuk memastikan al-Quran dibaca dengan betul dan menjaga lidah daripada melakukan kesalahan.

Pada mulanya, ilmu tajwid diamalkan dalam pembacaan tanpa dicatat di dalam penulisan. Semua hukum-hakamnya, sama ada *izhar*, *idgham*, *iqlab*, *mad wajib*, *mad lazim* dan lain-lain diamalkan walaupun ketika itu belum diistilahkan dengan nama tertentu. Jika qari salah membaca al-Quran, guru akan memberi teguran sebagaimana berlaku kepada Abdullah Ibnu Mas'ud r.a.

Al-Tabarani dalam *Mu'jam al-Kabir* meriwayatkan kisah Abdullah Ibnu Mas'ud yang mengajar seorang lelaki membaca al-Quran. Lelaki itu membaca kalimah al-Fuqara' dengan memendekkan sebutannya. Lalu Abdullah Ibnu Mas'ud r.a memberi teguran dengan berkata, "Bukan begitu Rasulullah SAW mengajar ku membacanya." Lelaki itu bertanya, "Bagaimanakah Rasulullah SAW mengajar kamu membacanya wahai Abu Abdul Rahman? Lalu Abdullah Ibnu Mas'ud membacanya dengan memanjangkan suara pada al-Fuqara'.

Karya pertama dalam ilmu tajwid ditulis oleh Abi Muzahim Musa al-Khaqani dari Baghdad yang meninggal dunia pada 325 Hijrah. Penulisan pertama ini mencetus idea ulama selepasnya untuk lebih teliti dan kemas dalam penulisan tajwid. Kitab tersebut ditulis dalam bentuk syair sebanyak 51 rangkap.

Kandungannya antara lain menyebut tujuh imam Qiraat Nafei', Ibnu Kathir, Abu Amru, Ibn 'Amir, Asim, Hamzah dan al-Kisaie.

Dinyatakan juga beberapa kelebihan membaca al-Quran. Dalam perbincangan tajwid, penulisnya mengulas tentang huruf yang dibaca dengan tebal dan huruf yang dibaca dengan nipis.

Kaedah yang penting juga ialah keperluan pembaca al-Quran menjaga bacaannya supaya tidak berlaku penambahan dan selalulah meminta

petunjuk daripada Allah SWT. Beliau juga menyebut tentang perlunya menyebut huruf mengikut kadarnya dan jangan melebihi sebutannya kerana ia adalah sebaik-baik amalan.

Walaupun karya pertama tajwid ini ringkas tetapi kandungannya adalah berkaitan prinsip membaca al-Quran. Abu Amru yang meninggal dunia pada 444 Hijrah adalah merupakan seorang yang alim dalam ilmu tajwid dan qiraat telah membuat huraian terhadap karya Abu Muzahim tersebut.

Dalam syarahnya, Abu Amru membawa pendapat atau pandangan yang lebih luas. Dalam isu mengajar al-Quran umpamanya, Abu Muzahim menyarankan agar mengajar murid tidak melebihi 10 ayat. Namun begitu, dalam syarahnya Abu Umru al-Dani menyebut bahawa jika guru mendapati muridnya menguasai kaedah bacaan dan lidahnya lembut untuk membaca al-Quran maka diizinkan untuk membaca lebih daripada 10 ayat.

Beliau membawa sejarah ulama sebelumnya belajar al-Quran. Imam Hamzah mengajar al-Quran kepada Sufian al-Thauri. Setiap kali membaca di hadapan Imam Hamzah, Sufian al-Thauri membaca dengan 50 ayat, diikuti dengan Sulaim Ibnu Isa, al-Kisai dan rakan-rakannya yang membaca sebanyak 30 ayat dan seterusnya al-Yasykuri membaca 10 ayat. Warsy seorang perawi kepada Imam Nafie' meriwayatkan bahawa gurunya itu mengajar al-Quran dengan 30 ayat kepada setiap seseorang.



Berbeza pengajaran bersebab

DARIPADA sudut yang lain, ada juga guru yang amat berhati-hati dalam pengajaran dan mahukan pelajarinya menguasai bacaan dengan baik. Antara mereka ialah Imam Asim yang berkata kepada muridnya Abu Bakr 'Ayyasy belajarlah al-Quran satu ayat demi satu ayat. Beliau menambah, Yahya Ibnu Wathab belajar al-Quran daripada 'Ubaid Ibnu Nadhah satu ayat setiap pengajaran tetapi demi Allah beliau adalah qari yang hebat.

Perbezaan pendapat guru al-Quran dalam kaedah pengajaran al-Quran daripada sudut jumlah ayat yang diajar perlu melihat kepada keadaan pelajar dan situasi guru itu sendiri. Namun begitu, perlu dibuat rujukan kepada hadis Rasulullah SAW di mana al-Hakim dalam Mustadraknya meriwayatkan daripada Abu Abdul Rahman bahawa telah diceritakan kepada ku guru-guru yang mengajar ku al-Quran iaitu Uthman Ibnu Affan, Abdullah Ibnu Mas'ud, Ubai Ibnu Ka'ab r.a bahawa Rasulullah SAW mengajar mereka 10 ayat dan tidak melebihi kepada 10 ayat yang lain sehingga mereka belajar kandungannya dan beramal dengannya. Justeru, kami belajar al-Quran dan mengamalkannya sekali gus.

Selepas karya pertama ilmu tajwid yang terkenal dengan nama Qasidah Abi Muzahim al-Khaqani maka penulisan ilmu tajwid disusun dengan lebih kemas dari semasa ke semasa sehingga lah hari ini. Antara karya yang terkenal ialah *al-Muqadimmah*, *Nihayah al-Qaul al-Mufid* dan *Hidayah al-Qari*.

● PENULIS ialah Pensyarah Kanan, Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).